

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : NYAMUK AEDES DAN DEMAM DENGGI

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah denggi di Selangor dari tahun 2016-2018.

JAWAPAN:

- a) Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan No. 15, 93, 181, 217 dan 225.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS)

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan yang dibelanjakan untuk program tuisyen percuma tersebut?
- b) Adakah bagi pelajar miskin atau kurang berkemampuan diluar bandar mengikut dun diberikan kelebihan dari segi jumlah kuota pelajarnya?

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan yang diperuntukkan untuk Program Tuisyen Rakyat Selangor adalah sebanyak RM3.6 juta untuk setiap tahun.
- b) Syarat penyertaan adalah terbuka kepada pelajar yang berasal daripada keluarga berpendapatan RM3,000.00 dan ke bawah sama ada dari bandar maupun luar bandar. Pemilihan peserta dilaksanakan oleh koordinator yang telah dilantik di setiap kawasan Dewan Negeri dengan kerjasama Pusat Khidmat Masyarakat kawasan Dewan Negeri masing-masing. Bermula pada tahun 2015 penyertaan tidak dihadkan untuk setiap kawasan Dewan Negeri. Namun begitu koordinator yang dilantik perlu mengatur pelaksanaan kelas dan penyertaan pelajar berdasarkan peruntukan yang diberikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PEMBELIAN SPLASH

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pembelian SPLASH?
- b) Bagaimakah Kerajaan Negeri menentukan jumlah harga pembelian SPLASH?

JAWAPAN:

- a) dan b)

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan No. 2, 56, 173, 174 dan 177.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PERUMAHAN GENERASI KEDUA FELDA

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pelaksanaan projek tersebut?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk memberi subsidi kepada rumah Generasi Kedua Felda seperti yang diberikan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebelum ini?

JAWAPAN:

- a) Serahan tapak kepada Kontraktor yang dilantik telah dibuat pada 30 September 2016. Kelulusan pelan bangunan bagi pembinaan 136 unit Rumah Berkembar Satu Tingkat (30' x 70') tersebut telah diperolehi pada 10 Januari 2018.

Kemajuan kerja fizikal di tapak sehingga 20 Ogos 2018 adalah telah mencapai 58%. Kerja-kerja pembinaan struktur bangunan rumah hampir siap 100% manakala bagi kerja-kerja arkitek telah dimulakan dan mencapai kemajuan sehingga 30%. Projek dijangka dapat disiapkan pada 29.03.2019.

- b) Bagi projek Perumahan Generasi Kedua Felda Sungai Tengi Selatan, seperti mana yang telah diluluskan dalam Mesyuarat MMKN ke 29/2015 pada 09 September 2015, Kerajaan Negeri telah pun meluluskan cadangan untuk menanggung sepenuhnya kos penyediaan kemudahan infrastruktur bagi projek tersebut yang dianggarkan berjumlah RM7.65 juta. Dengan adanya sokongan peruntukan tersebut, unit-unit rumah tersebut dapat dijual pada harga RM97,000 seunit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : GAJI MINIMUM RM1,500

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk melaksanakan gaji minimum RM1,500?
- b) Nyatakan implikasi kewangan sekiranya Kerajaan Negeri melaksanakannya di sektor awam negeri dan Anak Syarikat Negeri.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : BANTUAN KEPADA SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perancangan yang akan diambil terhadap sekolah-sekolah yang memerlukan pembangunan infrastruktur yang tergantung disebabkan proses pilihanraya.
- b) Nyatakan jumlah bantuan dan jenis bantuan yang dirancang untuk disalurkan.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri buat masa ini tidak mengagihkan bantuan kepada Sekolah Rendah Kebangsaan.
- b) Jumlah bantuan yang diagihkan oleh Kerajaan Negeri setakat ini hanya kepada Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Bantuan Kerajaan seperti Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Mualigh dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM24 juta bagi tahun 2018 untuk penambahbaikan infrastruktur sekolah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)

TAJUK : PUSAT WANITA BERDAYA (PWB)

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pembinaan kompleks pusat ini?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang menaiktarafkan pusat ini sebagai Pusat Pembangunan Keluarga?

JAWAPAN:

a) dan b)

Pengujudan Pusat Wanita Berdaya (PWB) oleh Kerajaan Negeri Selangor sebagai pusat perkembangan potensi dan hub aktiviti wanita dalam komuniti di setiap 56 DUN secara tidak langsung menzahirkan keprihatinan dan sokongan Kerajaan Negeri terhadap usaha-usaha pemberdayaan warga Selangor terutamanya golongan wanita.

Melalui PWB, pelbagai aktiviti meliputi aspek ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tidak terbatas dizahirkan oleh dan kepada golongan wanita, yang turut menjadi sumber penjanaan pendapatan kepada golongan sasaran yang terlibat.

Untuk makluman Yang Berhormat Sijangkang, buat masa ini tiada sebarang keperluan bagi pembinaan Kompleks Pusat Wanita Berdaya (PWB) memandangkan 56 PWB DUN yang diwujudkan ini menggunakan sumber-sumber sedia ada.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan di masa hadapan, Kerajaan Negeri bersedia mempertimbangkan cadangan penubuhan kompleks tersebut untuk kesejahteraan dan manfaat golongan wanita di Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI
(N43 SEMENTA)**

TAJUK : PEMBINAAN HOSPITAL KAPAR

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Hospital Kapar akan dibina?
- b) Apakah masalah dan kekangan yang dihadapi?

JAWAPAN:

- a) dan b)

Permohonan bagi pembinaan Hospital Kapar hanya boleh diangkat oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) untuk dimasukkan di dalam RMK-11 RP5 (Tahun 2020) apabila isu pemberimilikan tapak selesai.

Sebagai makluman, Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 21/2018 bertarikh 18 Julai 2018 telah meluluskan pemberimilikan bagi Hospital Kapar dengan keluasan 202,347 meter persegi bagi tempoh pajakan selama-lamanya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)

TAJUK : LALUAN BAS SMART SELANGOR

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menambah lebih banyak laluan Bas Smart Selangor terutamanya di dalam kawasan luar bandar DUN Pelabuhan Klang seperti Pulau Indah, Telok Gong, Kampung Pendamar, Kampung Idaman dan Pandamaran Jaya?

JAWAPAN:

- a) Izinkan saya menjawab bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Pelabuhan Klang yang bertanyakan soalan berkaitan perkhidmatan Bas Smart Selangor di kawasan luar bandar.

Sambutan terhadap perkhidmatan Bas Smart Selangor yang sangat memberangsangkan telah menunjukkan maklumbalas yang positif kepada Kerajaan Negeri untuk sentiasa menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat khususnya bagi penduduk di kawasan luar bandar. Kerajaan Negeri juga akan sentiasa memberi fokus kepada penambahbaikan perkhidmatan Bas Smart Selangor dan tambahan laluan-laluan baru yang akan dilaksanakan berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor iaitu:

- (a) Menepati struktur *Bus Network Revamp* oleh SPAD iaitu tidak bertindih dengan laluan operator perkhidmatan bas sedia ada;
- (b) Perlu mengutamakan laluan kawasan-kawasan tumpuan pembangunan, perumahan padat dan jalan yang tidak dilalui oleh perkhidmatan bas lain;
- (c) Lokasi bagi laluan bas percuma ini adalah di kawasan tumpuan kemudahan awam seperti pusat kesihatan, pejabat kerajaan, sekolah, stesen komuter, stesen LRT dan sebagainya serta kawasan komersil dan kompleks perniagaan; dan
- (d) Mempunyai *connectivity* dengan sistem pengangkutan yang lain seperti stesen komuter atau stesen LRT/MRT/BRT.

Bagi kawasan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Jeram dan Yang Berhormat Pelabuhan Klang, Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Perbandaran

atau Majlis Daerah perlu melihat kesesuaian laluan berkenaan berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan dan seterusnya mengemukakan cadangan tersebut kepada Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, berdasarkan kriteria, perkhidmatan Bas Smart Selangor tidak dapat disediakan sekiranya laluan tersebut telah mempunyai perkhidmatan bas komersial sedia ada ataupun faktor jalan raya yang sempit dan memerlukan bas bersaiz mini terutamanya bagi laluan di kampung-kampung kerana laluan-laluan yang dicadangkan masih perlu mendapatkan ulasan dan sokongan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) selaku badan yang bertanggungjawab dalam memberikan kelulusan permit laluan serta kebenaran operasi bagi semua perkhidmatan bas termasuk di Negeri Selangor.

Namun demikian, Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Klang dan Majlis Daerah Kuala Selangor akan sentiasa mengambilkira keperluan yang terbaik untuk penduduk-penduduk di kawasan yang terlibat, dengan mengambilkira segala pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat untuk dikaji semula serta membentangkan cadangan laluan yang bersesuaian sekiranya terdapat keperluan mendesak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : RUMAH KOS RENDAH DAN SEDERHANA DI DUN KOTA DAMANSARA

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Berapakah jumlah rumah-rumah serta senarai terperinci?
- Apakah usaha/program yang telah dan akan dilakukan bagi membantu penyelenggaraan bangunan tersebut?

JAWAPAN:

- Berdasarkan rekod Pesuruhjaya Bangunan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, jumlah pangsapuri kos rendah dan sederhana di DUN Kota Damansara adalah seperti berikut:

BIL.	KATEGORI PANGSAPURI	JUMLAH KAWASAN
1	Kos Rendah	91
2	Kos Sederhana Rendah	5
3	Kos Sederhana	10
JUMLAH		106

Senarai terperinci pangsapuri kos rendah dan sederhana di DUN Kota Damansara adalah seperti di LAMPIRAN A.

- Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai bantuan untuk membantu penyelenggaraan rumah kos rendah dan sederhana seperti berikut:

KATEGORI PENERIMA BANTUAN : PANGSAPURI KOS RENDAH DAN SEDERHANA

BIL	PROGRAM	AKTIVITI BANTUAN	PENCAPAIAN
1	CERIA (Caring Government For Residents' Improvement Aid)	<ul style="list-style-type: none"> Baikpulih harta bersama 	<ul style="list-style-type: none"> 286 projek RM96.6 juta

KATEGORI PENERIMA BANTUAN : PANGSAPURI KOS RENDAH

BIL	PROGRAM	AKTIVITI BANTUAN	PENCAPAIAN
1	ISS (Indah SMART Selangor)	<ul style="list-style-type: none"> Mengecat bangunan. 	<ul style="list-style-type: none"> 26 pangsapuri 84 blok 8648 unit RM10 juta
2	Baikpulih Jalan	<ul style="list-style-type: none"> Kerja baikpulih jalan dalam kawasan pangsapuri. 	<ul style="list-style-type: none"> 50 pangsapuri RM8.7 juta
3	SAFWA (Selangor Free Water Apartment)	<ul style="list-style-type: none"> Rebet Air Percuma RM11.40 kepada pangsapuri yang masih menggunakan meter air pukal. 	<ul style="list-style-type: none"> 239 pangsapuri (68,174 unit) RM52.6 juta
4	SEROJA (Skim Keselamatan Kejiranan Pangsapuri)	<ul style="list-style-type: none"> Program Keselamatan Pemasangan CCTV 	<ul style="list-style-type: none"> 116 pangsapuri RM687,136.00

Khusus bagi DUN Kota Damansara, jumlah pangsapuri kos rendah dan sederhana yang telah menerima bantuan tersebut adalah seperti berikut:

BIL	PROGRAM	JUMLAH KAWASAN
1	CERIA (Caring Government For Residents' Improvement Aid)	6
2	SAFWA	3

	(Selangor Free Water Apartment)	
	JUMLAH	9

Senarai terperinci seperti di LAMPIRAN A.

SENARAI PANGSAPURI KOS RENDAH DAN SEDERHANA DI DUN KOTA DAMANSARA

BIL	NAMA SKIM PEMAJUAN	KATEGORI PEMBANGUNAN (Harga Jualan Pertama)			JENIS PENGURUSAN				JENIS BANTUAN						
		Low Cost (<rm42,000)< th=""><th>Medium Low (RM42,001 - RM80,000)</th><th>Medium High (RM80,001 - RM100,00)</th><th>Pemaju</th><th>JMB</th><th>MC</th><th>EJEN</th><th>CERIA</th><th>SMARTLIFE</th><th>ISS</th><th>JALAN</th><th>SAFWA</th><th>SEROJA</th></rm42,000)<>	Medium Low (RM42,001 - RM80,000)	Medium High (RM80,001 - RM100,00)	Pemaju	JMB	MC	EJEN	CERIA	SMARTLIFE	ISS	JALAN	SAFWA	SEROJA	
1	Pangsapuri D'Shire Villa			1		1									
2	Pangsapuri Salvia			1			1								
3	Pangsapuri Bayu Puteri			1		1									
4	Pangsapuri Permai		1				1								
5	Rumah Pangsa Damai	1						1	1						1
6	Pangsapuri Sri Jati	1					1								
7	Apartment Sri Meranti	1					1			1					
8	Apartment Sri Ara		1				1			1					
9	Pangsapuri Vista Subang	1					1								1
10	Pangsapuri D'Aman Ria			1			1								
11	Kelana Idaman 5			1			1			1					
12	Pangsapuri Carlina			1			1								
13	Pangsapuri Carmila			1			1								
14	Pangsapuri Tainia (Blok 1-6)			1			1								
15	Rumah Pangsa Semarak 3	1					1								
16	Rumah Pangsa Semarak 4	1				1									
17	Rumah Pangsa Semarak 5	1					1								
18	Rumah Pangsa Semarak 6	1					1								
19	Rumah Pangsa Semarak 7	1					1								
20	Rumah Pangsa Semarak 8	1						1							
21	Rumah Pangsa Semarak 9	1						1							
22	Rumah Pangsa Semarak 10	1							1						
23	Rumah Pangsa Semarak 11	1							1						
24	Rumah Pangsa Semarak 12	1							1						
25	Rumah Pangsa Semarak 13	1							1						
26	Rumah Pangsa Tanjung 1	1							1						
27	Rumah Pangsa Tanjung 2	1							1						
28	Rumah Pangsa Tanjung 3	1							1						
29	Rumah Pangsa Tanjung 4	1								1					
30	Rumah Pangsa Tanjung 5	1								1					
31	Rumah Pangsa Tanjung 6	1								1					
32	Rumah Pangsa Tanjung 7	1								1					
33	Pangsapuri Sri Ara (Vista Damansara)	1								1	1				1
34	Rumah Pangsa Kekwa - Blok 1	1									1				
35	Rumah Pangsa Kekwa - Blok 2	1									1				
36	Rumah Pangsa Kekwa - Blok 3	1									1				
37	Pangsapuri Kantan - Blok 1	1									1				
38	Pangsapuri Kantan - Blok 2	1									1				
39	Pangsapuri Kantan - Blok 3	1									1				
40	Pangsapuri Kantan - Blok 4	1									1				

SENARAI PANGSAPURI KOS RENDAH DAN SEDERHANA DI DUN KOTA DAMANSARA

BIL	NAMA SKIM PEMAJUAN	KATEGORI PEMBANGUNAN (Harga Jualan Pertama)			JENIS PENGURUSAN				JENIS BANTUAN					
		Low Cost (<rm42,000)< th=""><th>Medium Low (RM42,001 - RM80,000)</th><th>Medium High (RM80,001 - RM100,00)</th><th>Pemaju</th><th>JMB</th><th>MC</th><th>EJEN</th><th>CERIA</th><th>SMARTLIFE</th><th>ISS</th><th>JALAN</th><th>SAFWA</th><th>SEROJA</th></rm42,000)<>	Medium Low (RM42,001 - RM80,000)	Medium High (RM80,001 - RM100,00)	Pemaju	JMB	MC	EJEN	CERIA	SMARTLIFE	ISS	JALAN	SAFWA	SEROJA
41	Rumah Pangsa Matahari - Blok 1	1						1						
42	Rumah Pangsa Matahari - Blok 2	1						1						
43	Rumah Pangsa Matahari - Blok 3	1						1						
44	Rumah Pangsa Matahari - Blok 4	1						1						
45	Rumah Pangsa Melati - Blok A1	1						1						
46	Rumah Pangsa Melati - Blok A2	1						1						
47	Rumah Pangsa Melati - Blok A3	1						1						
48	Rumah Pangsa Melati - Blok A4	1						1						
49	Rumah Pangsa Cempaka - Blok 1	1						1						
50	Rumah Pangsa Cempaka - Blok 2	1						1						
51	Rumah Pangsa Cempaka - Blok 3	1						1						
52	Rumah Pangsa Cempaka - Blok 4	1						1						
53	Rumah Pangsa Cempaka - Blok 5	1						1						
54	Rumah Pangsa Cempaka - Blok 6	1						1						
55	Rumah Pangsa Cempaka - Blok 7	1						1						
56	Rumah Pangsa Lily - Blok 5-8	1							1					
57	Rumah Pangsa Rosa - Blok 13-16		1						1					
58	Rumah Pangsa Melati - Blok B1	1						1						
59	Rumah Pangsa Melati - Blok B2	1						1						
60	Rumah Pangsa Melati - Blok C1	1						1						
61	Rumah Pangsa Melati - Blok C2	1						1						
62	Rumah Pangsa Melati - Blok D1	1						1						
63	Rumah Pangsa Melati - Blok D2	1						1						
64	Pangsapuri Kemboja - Blok 1	1						1						
65	Pangsapuri Kemboja - Blok 2	1						1						
66	Pangsapuri Kemboja - Blok 3	1						1						
67	Rumah Pangsa Dedap - Blok 1-5	1						1						
68	Rumah Pangsa Dedap - Blok 6-10	1						1						
69	Kondominium De'Rozelle (Blok A - D)			1				1						
70	Rumah Pangsa Ixora	1							1					
71	Rumah Pangsa Seroja		1						1					
72	Rumah Pangsa Kasia - Blok 17-20	1							1					
73	Rumah Pangsa Dahlia - Blok A-E	1							1					
74	Rumah Pangsa Siantan - Blok 1-6	1							1					
75	Rumah Pangsa Teratai (Blok A -C)	1							1					
76	Rumah Pangsa Mawar - Blok A1	1						1						
77	Rumah Pangsa Mawar - Blok A2	1						1						
78	Rumah Pangsa Mawar - Blok A3	1						1						
79	Rumah Pangsa Mawar - Blok B1	1						1						
80	Rumah Pangsa Mawar - Blok B2	1						1						

SENARAI PANGSAPURI KOS RENDAH DAN SEDERHANA DI DUN KOTA DAMANSARA

BIL	NAMA SKIM PEMAJUAN	KATEGORI PEMBANGUNAN (Harga Jualan Pertama)			JENIS PENGURUSAN				JENIS BANTUAN					
		Low Cost (<rm42,000)< th=""><th>Medium Low (RM42,001 - RM80,000)</th><th>Medium High (RM80,001 - RM100,00)</th><th>Pemaju</th><th>JMB</th><th>MC</th><th>EJEN</th><th>CERIA</th><th>SMARTLIFE</th><th>ISS</th><th>JALAN</th><th>SAFWA</th><th>SEROJA</th></rm42,000)<>	Medium Low (RM42,001 - RM80,000)	Medium High (RM80,001 - RM100,00)	Pemaju	JMB	MC	EJEN	CERIA	SMARTLIFE	ISS	JALAN	SAFWA	SEROJA
81	Rumah Pangsa Mawar – Blok C1	1			1									
82	Rumah Pangsa Mawar – Blok C2	1			1									
83	Rumah Pangsa Mawar – Blok C3	1			1									
84	Rumah Pangsa Mawar – Blok C4	1			1									
85	Rumah Pangsa Mawar – Blok C5	1			1									
86	Rumah Pangsa Mawar – Blok C6	1			1									
87	Rumah Pangsa Melor – Blok A1	1			1									
88	Rumah Pangsa Melor – Blok A2	1			1									
89	Rumah Pangsa Melor – Blok B1	1			1									
90	Rumah Pangsa Melor – Blok B2	1			1									
91	Rumah Pangsa Melor – Blok C1	1			1									
92	Rumah Pangsa Melor – Blok C2	1			1									
93	Rumah Pangsa Melor – Blok C3	1			1									
94	Rumah Pangsa Melor – Blok C4	1			1									
95	Rumah Pangsa Melor – Blok D1	1			1									
96	Rumah Pangsa Melor – Blok D2	1			1									
97	Rumah Pangsa Melor – Blok D3	1			1									
98	Rumah Pangsa Melor – Blok D4	1			1									
99	Rumah Pangsa Melor – Blok E1	1			1									
100	Rumah Pangsa Melor – Blok E2	1			1									
101	Rumah Pangsa Melor – Blok E3	1			1									
102	Rumah Pangsa Melor – Blok F1	1			1									
103	Rumah Pangsa Melor – Blok F2	1			1									
104	Rumah Pangsa Melor – Blok F3	1			1									
105	Pangsapuri Latan Biru Seri Pagi			1		1			1					
106	Pangsapuri Milia (Blok 9 - 12)		1				1				0	0	0	3
JUMLAH		91	5	10	48	43	14	1	6	0	0	0	3	0

SUMBER SENARAI PANGSAPURI DAN KATEGORI PANGSAPURI: UNIT COB, MBPJ

SUMBER PENERIMA BANTUAN:LPHS

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : KEBAJIKAN KAKITANGAN PUSAT KHIDMAT DUN

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengkaji semula jumlah kakitangan Pusat Khidmat DUN?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bersetuju untuk merombak gaji dan menambah elaun kakitangan Pusat Khidmat DUN?
- c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi staf Pusat Khidmat keistimewaan setaraf kakitangan tetap awam?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)

TAJUK : ISU BANJIR KILAT

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Isu banjir kerap berlaku disebabkan pembangunan yang pesat, apakah rancangan untuk menyelesaikan isu tersebut secara menyeluruh di Negeri Selangor?
- b) Apakah rancangan jangka panjang dan pendek untuk penyelesaian isu banjir di kawasan Pekan Rawang dan Sungai Bakau?

JAWAPAN:

- a) Setiap pembangunan yang dicadangkan perlu disediakan kolam takungan (*detention pond*) bagi mengawal pertambahan air larian permukaan (*surface water runoff*) dan kadar kuantiti air sebelum dan selepas (*Qpre* dan *Qpost*) pembangunan dapat dikawal kesan daripada pembukaan tanah. Pihak JPS mensyaratkan setiap pemaju agar menyediakan kolam takungan On Site Detention (OSD) yang berfungsi untuk mengawal, menakung sementara dan memperlakukan kadar aliran air yang memasuki sungai serta longkang berhampiran dengan kawasan pembangunan bagi mengelakkan limpahan air sungai yang menyebabkan berlakunya banjir.
- b) i. Perancangan jangka pendek yang diambil oleh JPS Daerah Gombak adalah menaiktaraf '*pump sump*' di Jalan Maxwell bagi membolehkan pam yang berkapasiti tinggi diletakkan dan mempercepatkan air dipam terus ke sungai berhampiran. Manakala perancangan jangka panjang yang perlu diambil adalah menaiktaraf longkang sediada yang terdapat di kiri dan kanan Jalan Maxwell menampung kapasiti air larian permukaan yang kian bertambah disebabkan oleh pembangunan berhampiran dan ketidakupayaan longkang sediada menampung tambahan air yang melaluinya

ii. Pihak JPS telah melaksanakan Projek Menaiktaraf Sungai Bakau Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor dengan kos RM3,580,362.00 di bawah peruntukan Caruman Parit. Projek ini dijangka dapat mengatasi masalah banjir kilat di kawasan Bandar Country Home, Taman Bayu Permai, Kampung Sungai Bakau, Taman Anggun serta kawasan sekitarnya. Skop

projek adalah menaiktaraf sistem saliran bagi melancarkan aliran sungai bagi mengatasi masalah banjir kilat yang kerap kali berlaku.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PERTANIAN

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sumbangan Kerajaan Negeri khususnya di kawasan saya iaitu Sawah Sempadan?
- b) Adakah bantuan seperti baja, benih dan jentera diberikan?
- c) Adakah penambahan dibuat dari masa ke semasa dari segi kualiti benih dan baja kepada petani?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Selangor menyediakan pelbagai bentuk bantuan kepada kawasan penanaman padi khususnya di kawasan Sawah Sempadan melalui program peningkatan hasil padi.
- b) Bantuan-bantuan daripada kerajaan Negeri yang telah diberikan adalah seperti berikut:
 - i. Bantuan tanaman padi variety MR 297 dan benih padi Bayer Seed Grow secara *transplanting* (RM175,600)
 - ii. Bantuan baja padi (RM335,000)
 - iii. Bantuan racun makhluk perosak (RM520,000)
- c) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian sentiasa memastikan kualiti baja dan benih yang dibekalkan melalui program peningkatan hasil padi adalah berkualiti dan terjamin. Antara penambahbaikan yang dibuat adalah mensyaratkan pembekal baja menghantar sampel baja mereka untuk diuji daripada makmal yang diekreditasi oleh Jabatan Pertanian. Jabatan Pertanian juga mengawal pengeluaran benih padi sah bermula daripada pemilihan lot sawah, pemeriksaan lot sawah benih (sekurang-kurangnya 3 kali sepanjang tempoh penanaman padi) dan pemeriksaan di makmal sampel benih yang diambil selepas tuai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PELUANG PEKERJAAN UNTUK BELIA

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Apakah status kadar pengangguran di Negeri Selangor mengikut jantina dan umur?
- Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada golongan belia khususnya di kawasan luar bandar?

JAWAPAN:

- Status kadar pengangguran di Negeri Selangor mengikut jantina dan umur berdasarkan sumber daripada Statistik Tenaga Buruh, Guna Tenaga dan pengangguran yang diperoleh daripada Survei Tenaga Buruh (STB) dan merujuk kepada penduduk yang berumur di antara 15 hingga 64 tahun adalah sebagaimana jadual berikut :-

BILANGAN PENGANGGUR TAHUN 2016					
NEGERI	JANTINA				JUMLAH
	LELAKI	%	PEREMPUAN	%	
MALAYSIA	282,400	56	221,700	43.9	504,100
SELANGOR	52,200	48.6	55,100	51.3	107,300

- 21 % daripada bilangan penganggur Malaysia adalah daripada penganggur di Negeri Selangor

BILANGAN PENGANGGUR TAHUN 2017					
NEGERI	JANTINA				JUMLAH
	LELAKI	%	PEREMPUAN	%	
MALAYSIA	299,700	59.6	202,900	40.3	502,600
SELANGOR	53,300	54.3	44,800	45.6	98,100

- 19.5% daripada bilangan penganggur Malaysia adalah daripada penganggur di Negeri Selangor

Jadual 1: Bilangan Penganggur di Selangor bagi 2016 dan 2017

- b) Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan mengambil maklum untuk menambah baik keadaan ekonomi anak muda termasuk meningkatkan peluang pekerjaan kepada golongan belia di kawasan luar bandar berikutan taraf hidup yang semakin meningkat dan pembangunan belia perlu dititikberatkan terutamanya dari segi pekerjaan dan pendapatan untuk memastikan pembangunan Negeri yang mampan.

Justeru itu, Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan taraf hidup golongan belia di Selangor sebagaimana berikut :-

- i) Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan telah menganjurkan satu program Karnival Kerjaya dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Job Malaysia. Program yang dilaksanakan ini telah berjaya melibatkan bilangan pengunjung seramai 3,416 orang untuk mengisi 5,782 tawaran kosong jawatan. Kesan daripada pelaksanaan program ini, seramai 847 orang telah berjaya mendapat pekerjaan pada hari tersebut. Program Karnival Kerjaya (Job Fair) ini juga telah diadakan di daerah-daerah seperti Kuala Langat dan Kuala Selangor dengan sambutan yang menggalakkan dengan pengunjung yang melebihi 1000 orang setiap daerah.
- ii) Seterusnya, Kerajaan Negeri turut mengadakan program dan bantuan kepada belia bagi tujuan untuk memberi pendedahan kepada mereka untuk menceburi dalam bidang perniagaan dan keusahawanan seperti berikut :-
 - a) Dana Usahawan Mikro Selangor;
 - b) Pameran/Ekspos ;

- c) Karnival/Festival Usahawan;
 - d) Kursus/Latihan ;
 - e) Program Peningkatan Keupayaan Reka Bentuk Pembungkusan Produk Usahawan Negeri Selangor (4P); dan
 - f) Program Hijrah Selangor
- iii) Melalui program HIJRAH Selangor, pinjaman kewangan diberikan kepada golongan belia bagi memulakan perniagaan untuk menjadi usahawan berjaya melalui skim seperti berikut :-

JENIS SKIM	PINJAMAN	TEMPOH BAYARAN BALIK	
SKIM 1	3,000.00-5,000.00	25 minggu (6 bulan)	Ditawarkan kepada semua peminjam yang berkelayakan
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 minggu (36 bulan)	
SKIM 2	6,000.00-10,000.00	25 minggu (6 bulan)	Ditawarkan kepada semua peminjam yang berkelayakan
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 minggu (36 bulan)	
SKIM 3	15,000.00-20,000.00	25 minggu (6 bulan)	Hanya ditawarkan kepada peminjam yang telah tamat pinjaman pusingan pertama dengan kredit disiplin yang memuaskan
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 minggu (36 bulan)	
SKIM 4	30,000.00-50,000.00	25 minggu (6 bulan)	
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 minggu (36 bulan)	

- iv) Kerajaan Negeri juga turut menganjurkan Program Pembangunan Usahawan di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bagi membantu golongan belia menjana pendapatan sendiri seperti program berikut :-

Bil	Program	Jenis Bantuan	Jumlah Usahawan
1.	Program Perintis Usahawan (PPU)	Bimbingan & Latihan	1,440
2.	Program Tunas Niaga (PROTUNe)	Bimbingan & Latihan	24,300
3	Program Usahawan	Bimbingan & Latihan	6,807

Bil	Program	Jenis Bantuan	Jumlah Usahawan
	Mahasiswa PKNS		
4.	Program Usahawan Siswazah PKNS (GROW)	Bimbingan & Latihan	163
JUMLAH KESELURUHAN USAHAWAN BELIA			32,710

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : MEMPERKASAKAN UNDANG-UNDANG ISLAM

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah yang akan dan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memperkasakan Undang-Undang Islam?

JAWAPAN:

- a) Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Bahagian Undang-Undang MAIS adalah agensi yang bertanggungjawab untuk menyelaras aktiviti penggubalan, pindaan dan semakan undang-undang berkaitan hal ehwal Islam di dalam Negeri Selangor.

Semakan dan penggubalan undang-undang ini dilaksanakan bertujuan untuk menambah baik peruntukan undang-undang sedia ada bagi diselaraskan dengan keadaan semasa dan keperluan umat Islam.

Kerajaan Negeri bertanggungjawab membincangkan dan meluluskan Rang Undang-Undang berkaitan hal ehwal agama Islam yang telah diperkenankan oleh DYMM Sultan dalam Dewan Negeri Selangor.

Sehingga kini, Rang Undang-Undang untuk enakmen-enakmen berikut telah dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor untuk diwartakan:

- i. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Pindaan) 2015 diwartakan pada 22 Mei 2015 dan 19 Oktober 2015;
- ii. Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 diwartakan pada 19 Oktober 2015; dan
- iii. Enakmen Wasiat (Negeri Selangor) 1999 (Pindaan) 2016 diwartakan pada 13 Januari 2017.

Pihak MAIS juga telah membuat ketetapan supaya enakmen berikut disemak dan dipinda:

- i. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor);
- ii. Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor); dan

iii. Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Negeri Selangor).

Usaha untuk memperkasa agama Islam melalui penambahbaikan enakmen-enakmen sedia ada akan diteruskan dari semasa ke semasa oleh MAIS dengan perkenan DYMM Sultan Selangor dengan kerjasama Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)

TAJUK : KADAR NRW

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kadar NRW di Negeri Selangor pada sekarang dan bagaimanakah Air Selangor telah dan akan menggunakan peruntukan kewangannya untuk mencapai NRW kurang daripada 20% menjelang 2020?

JAWAPAN:

- a) Kadar NRW sekarang sehingga Mei 2018 adalah 31.10%.

Sasaran NRW menjelang 2020 adalah 28% dan bukannya 20%. Air Selangor bercadang untuk memperuntukkan kewangan seperti berikut dalam usaha menurunkan kadar NRW ke tahap 28% pada tahun 2020:

Tahun	2019	2020	2021	Jumlah
Jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan (RM juta) - kos CAPEX	61.2	53.2	52.6	167.0
Jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan (RM juta) - kos OPEX	70.6	68.7	72.2	211.5
Jumlah	131.8	121.9	124.8	378.5

Nota: Perbelanjaan di atas tidak termasuk kerja-kerja penukaran meter pengguna dengan kos perbelanjaan seperti jadual di bawah.

Tahun	2019	2020	2021	Jumlah
Jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan (RM juta) – bagi kerja-kerja penukaran meter pengguna	34.4	31.8	32.7	98.9

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PENGECUALIAN KEPERLUAN KEBENARAN MERANCANG

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan semua jenis pembangunan tanah yang dikecualikan daripada keperluan Kebenaran Merancang.

JAWAPAN:

- a) Melalui Makmal Pembangunan Hartanah (MPH) 2010 yang diadakan pada 1 Mac hingga 9 April 2010, Kerajaan Persekutuan telah memperakukan **22 inisiatif** untuk mempercepatkan tempoh masa bagi kelulusan, menambahbaik prosedur dan menyelaras proses permohonan pembangunan harta tanah.

Salah satu daripada 22 inisiatif yang telah digariskan dalam mempercepatkan proses permohonan pembangunan harta tanah adalah Inisiatif 7 : Pengecualian Kebenaran Merancang (*Exemption From Planning Approval* (ExPA)).

Jenis-jenis pemajuan yang boleh dipertimbangkan pengecualian kebenaran merancang adalah seperti berikut:

- i. Pendirian, Perobohan, Pendirian Semula Atau Pengubahan Satu Unit Rumah Kediaman Sesebuah;
- ii. Pendirian, Perobohan, Pendirian Semula Atau Pengubahan Satu Unit Bangunan Industri Ringan Sesebuah;
- iii. Pendirian, Perobohan, Pendirian Semula Atau Pengubahan Suatu Bangunan Harta Bersama Dalam Kawasan Perumahan Strata;
- iv. Pengubahan Untuk Menaik Taraf Dan Membalikpulih Fasad Bangunan; dan
- v. Pendirian, Perobohan, Pendirian Semula Atau Pengubahan Suatu Bangunan Utiliti.

Selain itu, Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172), di bawah Seksyen 19(2) berkaitan **Larangan terhadap pemajuan tanpa kebenaran**

merancang telah menggariskan jenis pemajuan yang tidak memerlukan Kebenaran Merancang adalah seperti Lampiran A.

Lampiran A

Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172)

Seksyen 19 Larangan terhadap pemajuan tanpa kebenaran merancang

(2) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), kebenaran merancang tidak perlu :

- a. Bagi perjalanan apa-apa kerja yang perlu bagi penyelenggaraan, pengelokan, atau apa-apa pengubahan lain bagi sesuatu bangunan, iaitu kerja yang menyentuh hanya bahagian dalaman bangunan itu dan yang tidak:
 - i. Melibatkan apa-apa perubahan tentang penggunaan bangunan itu atau tanah yang kepadanya bangunan itu bercantum;
 - ii. Menyentuh secara material rupa di sebelah luar bangunan itu;
 - iii. Melibatkan apa-apa tambahan pada ketinggian atau luas lantai bangunan;
 - iv. Melibatkan apa-apa tambahan atau pengubahan kepada suatu bangunan yang menyentuh atau mungkin menyentuh susunan saliran, kebersihan, atau keteguhannya; atau
 - v. Melanggar, atau terlibat dalam atau mengakibatkan ketidakselarasan dengan, mana-mana peruntukan dalam rancangan tempatan.
- b. Bagi perjalanan oleh mana-mana pihak berkuasa yang ditubuhkan oleh undang-undang untuk mengadakan kemudahan apa-apa kerja bagi maksud memasang, memeriksa, memperbaiki, atau memperbaharui mana-mana parit, pembetung, sesalur, paip, kabel, atau radas lain, atau bagi maksud menyelenggara atau memperbaiki jalan, termasuk memecah mana-mana jalan atau tanah bagi maksud itu;
- c. Bagi apa-apa penggalian, termasuklah penggalian telaga atau untuk telaga, yang dibuat dalam perjalanan biasa pengendalian pertanian dalam kawasan yang dizonkan untuk pertanian;
- d. Bagi penggunaan mana-mana tanah atau bangunan selama suatu tempoh yang tidak melebihi satu bulan atau tempoh yang lebih lanjut yang dibenarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan bagi maksud:
 - i. Suatu panggung wayang, panggung, atau pertunjukan sementara atau bergerak;
 - ii. Suatu taman hiburan, pesta ria atau pameran sementara; atau

- iii. Suatu istiadat atau kebesaran sementara yang bercorak agama, sosial atau lain.
- e. Bagi pembinaan atau pendirian di atas mana-mana tanah bangunan sementara untuk menampung pekerja yang terlibat dalam pembinaan atau pendirian suatu bangunan di atas tanah, yang baginya kebenaran untuk merancang telah diberikan.
- f. Bagi penggunaan mana-mana tanah atau bangunan dalam perkarangan suatu rumah tempat tinggal bagi apa-apa maksud yang bersampingan dengan menikmati rumah tempat tinggal itu sedemikian; atau
- g. Bagi pembuatan apa-apa perubahan secara material kepada penggunaan tanah atau bangunan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri sebagai suatu perubahan material yang baginya kebenaran untuk merancang tidak perlu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHRU)**

TAJUK : RUMAH BURUNG WALIT

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pengusaha burung walit masih dibenarkan untuk menggunakan premis perniagaan sebagai rumah burung walit? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap rumah burung walit yang terbiar atau tidak membaharui lesen di kawasan pertanian?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui MMKN Ke 26/2013 pada 4 September 2013, telah memberikan tempoh kelonggaran atau tempoh matang untuk pengusaha menamatkan perusahaan burung walit dan berpindah ke kawasan tanah pertanian seperti yang terkandung di dalam **Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor PBT:SPBT Bil. 4/2013 Kaedah Pelesenan Rumah Burung Walit Di Kawasan Perniagaan Dan Kawasan Sawah Padi Di Negeri Selangor bertarikh 23 Oktober 2013** iaitu:
 - i) Kawasan Komersil - tiga (3) tahun bermula **1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2016**; dan
 - ii) Kawasan Sawah Padi – tujuh (7) tahun bermula **1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2020**

Seterusnya, Kerajaan Negeri melalui MMKN Ke 15/2018 pada 14 Februari 2018 turut **menolak** cadangan pembaharuan lesen burung walit kepada pengusaha-pengusaha burung walit sedia ada.

- b) Sekiranya terdapat pengusaha yang tidak memperbaharui lesen selepas tamat tempoh memperbaharui lesen, PBT akan mengeluarkan **Notis Peringatan** untuk memperbaharui lesen kepada pengusaha. Sehubungan itu, pengusaha yang gagal mempamer atau mengemukakan lesenya selepas tempoh yang ditawarkan dalam notis tersebut, PBT boleh mengambil tindakan di bawah **Seksyen 56 (1) Undang-Undang Kecil (UUK) Penternakan Burung Walit dan Perusahaan Sarang Burung Walit Tahun 2013** iaitu pengusaha boleh dikenakan **kompaun**

dengan tidak melebihi RM250.00 bagi kesalahan dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran. Sekiranya pengusaha tetap ingkar, PBT boleh mengambil tindakan di bawah **Seksyen 9 (2)** UUK yang sama iaitu pengusaha boleh dikenakan hukuman **denda tidak melebihi RM500.00 atau penjara tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya.**

Walau bagaimanapun, bagi menggalakkan mana-mana pengusaha burung walit yang telah berdaftar sebelum 31 Disember 2013 untuk menjalankan aktiviti perusahaan burung walit di kawasan pertanian (kecuali sawah padi) sebelum/pada masa tamat tempoh penamatan perusahaan burung walit, Kerajaan Negeri telah **menawarkan insentif berupa pengecualian cukai taksiran, cukai tanah dan lesen perniagaan untuk tempoh selama 5 tahun** bermula daripada tarikh keluar premis asal.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)

TAJUK : KITAR SEMULA

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar kitar semula yang sedia ada di peringkat Kerajaan Tempatan, terutamanya melalui sistem pengutipan sampah?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan Projek Perintis Kitar Semula dalam pengasingan sisa pepejal di empat (4) buah PBT iaitu MBPJ, MPAJ, MPKj dan MDHS mulai tahun 2015. Satu Pelan Tindakan Pelan Pengasingan Sisa berskala kecil yang merangkumi bahan kitar semula telah dilaksanakan di **Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)** dan **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** sebagai PBT perintis bagi mewujudkan ‘Action Plan’. Susulan daripada itu, MBSA dan MBPJ telah mula melaksanakan Program Pengasingan Sisa bermula pada tahun 2015, yang melibatkan sebanyak 13,699 unit rumah.

Bagi mengurangkan jumlah pelupusan sisa pepejal, beberapa program seperti berikut juga telah dilaksanakan:-

- i) Program kesedaran melalui 3R (*Reuse/Reduce/Recycle*) yang turut melibatkan Jawatankuasa Penduduk dan sekolah-sekolah;
- ii) Program menukar sisa makanan/domestik kepada pengkomposan; dan
- iii) Program *Spring Cleaning* setiap 4 musim perayaan (Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Deepavali dan Krismas).

Selain itu, MBPJ juga telah mengambil inisiatif untuk menggunakan mekanisme “*Anaerobic Digestor*” (AD) di dalam langkah mengurangkan pelupusan sisa pepejal di tapak pelupusan terutamanya sisa yang dihasilkan di medan-medan selera. Pada masa kini, MBPJ telah memasang 2 unit (AD) untuk tujuan tersebut di lokasi berikut :-

- i) 1 Unit AD di Smart PJ Waste Solution Lab, SS2 Petaling Jaya.
- ii) 1 Unit AD di PJ Eco-Recycling Plaza, SS8/39 Petaling Jaya

Bagi PBT lain pula, program pengasingan sisa telah mula dirancang dan ada yang telah dilaksanakan seperti berikut:-

- i. **Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)** telah menjalankan program pengurangan sisa pepejal iaitu mewujudkan Pusat Biomass Bersepadu di mana aktiviti terdiri daripada Kompos sisa kebun; Kompos sayur-sayuran-Projek *Vermicomposting* dan *Biogas- ‘Waste to Energy’- ‘Anaerobic Digestion’*.
- ii. Manakala **Majlis Perbandaran Selayang (MPS)** pula telah merangka satu projek yang komprehensif bagi tujuan mengurangkan penjanaan sisa pepejal ke tapak pelupusan sampah dengan mewujudkan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (*R&D Centre*) bagi pengurusan sisa domestik dalam kawasan pentadbiran MPS bersama syarikat usahasama yang dilantik Syarikat Bell Enviro Sdn. Bhd. Pusat ini menjadi projek perintis sistem rawatan sisa domestik dengan kaedah *Organocycler* di Jalan Industri 3/1 Rawang Intergrated Industrial Park. Sisa domestik akan dihantar dan diproses untuk menjadi baja dan mengurangkan penggunaan tanah untuk tapak pelupusan sampah.
- iii. **Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)** telah berkerjasama dengan Freaser & Neave Sdn. Bhd (F&N) dalam menjalankan pertandingan kitar semula antara sekolah-sekolah dengan penglibatan sebanyak 20 buah sekolah di kawasan MPAJ selain berkerjasama dengan agensi bukan kerajaan (NGO) iaitu Pertubuhan Amal Seri Sinar (PASS) dan Pertubuhan Kebajikan Masyarakat Melalui Kitar Semula (PKMMKS) bagi meletakkan 47 tong kitar semula di kawasan MPAJ.

Untuk makluman Ahli Dewan, Kerajaan Negeri melalui **Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor** telah meneruskan **Karnival Kepenggunaan Negeri Selangor** atau dikenali Jelajah Pengguna pada tahun 2016 sebagai rancangan bersepadu dalam mendidik rakyat untuk mengamalkan budaya pengasingan bahan kitar semula dengan meningkatkan jumlah peruntukan kepada semua PBT daripada sebanyak RM10,000.00 pada tahun 2017 kepada **RM20,000.00** pada tahun **2018**. Antara pengisian program ini adalah:-

- i) Taklimat Kepenggunaan;
- ii) Pameran Kitar Semula;
- iii) Pertandingan Reka Cipta Dari Barang Terbuang;
- iv) Demontrasi Kitar Semula;

- v) Menjalankan kempen-kempen seperti Hari Tanpa Beg Plastik;
- vi) Pengurangan Penggunaan Bahan Polistirin;
- vii) Kitar Semula Minyak Masak; dan
- viii) Program 3R (*Reuse/ Reduce/ Recycle*)

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)

TAJUK : KHIDMAT BAS SELANGORKU PERCUMA (IPR 13)

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan bersedia memperkenalkan semula bas (bersaiz) mini bagi mempertingkatkan liputan, kapasiti dan kesaling hubungan pengangkutan terutama di kawasan bas yang panjang susah masuk?

JAWAPAN:

- a) Perkhidmatan bas bersaiz mini telah dihentikan pada tahun 1998 oleh Kementerian Pengangkutan dan penggunaan semula bas ini juga tertakluk kepada kawasan yang dipohon dan diluluskan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) selaku badan yang mengeluarkan lesen pengendali berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan Bas Smart Selangor pada ketika ini hanya menggunakan bas bersaiz 10 dan 12 meter berdasarkan keperluan dan kesesuaian laluan yang dicadangkan serta kos yang lebih efektif. Penggunaan bas bersaiz panjang ini lebih menepati sasaran untuk memberi lebih banyak peluang kepada pengguna pengangkutan awam di Negeri Selangor seterusnya meningkatkan jumlah penerimaan penumpang yang tinggi. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mahupun Pihak Berkuasa Tempatan amat menyokong cadangan atau kajian semula penggunaan bas bersaiz mini bagi memenuhi keperluan di kawasan yang sukar dimasuki bas bersaiz panjang dalam mempertingkatkan liputan, kapasiti dan kesaling hubungan di antara kawasan bandar dan luar bandar sekiranya ia diperkenalkan semula oleh Kerajaan Persekutuan.